

LAMPIRAN POLISI ASAS

TokioMarine-Perlindungan Hero Plus

DEFINISI ASAS

Dalam dokumen Polisi ini, melainkan konteks bermakna lain, jika tidak:

“Umur”	Merujuk kepada umur pada hari jadi berikut.
“Lampiran (-lampiran)”	Lampiran-lampiran, jika ada, yang dilampirkan pada dokumen Polisi ini.
“Penyerahan Hak”	Pindahan pemilikan dan/atau manfaat-manfaat di bawah Polisi ini kepada sesiapa atau mana-mana perbadanan.
“Polisi Asas”	Polisi Asas dalam dokumen Polisi ini.
“Premium Asas”	Premium yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.
“Jumlah Asas yang Diinsuranskan”	Jumlah yang Diinsuranskan yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.
“Manfaat (-manfaat)”	Manfaat-manfaat yang perlu dibayar menurut Polisi ini seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi dan/atau Lampiran-Lampiran.
“Kompeten”	Seseorang yang mencapai umur lapan belas (18) tahun dan berfikiran waras.
“Tempoh Perlindungan”	Tempoh Perlindungan yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.
“Tarikh Mula”	Tarikh di mana perlindungan insurans di bawah Polisi ini bermula seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.
“Tarikh Mesti Bayar”	Tarikh untuk bayaran premium seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.
“Endorsan(-endorsan)”	Perubahan terhadap Polisi ini yang ditandatangani oleh orang yang Kami memberikan kuasa.
“Tarikh Luput”	Tarikh di mana perlindungan insurans ditamatkan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.
“Tarikh Dikeluarkan”	Tarikh Polisi ini dikeluarkan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.
“Orang yang Diinsuranskan”	Seseorang di mana hayatnya diinsuranskan di bawah Polisi ini dan dinamakan dalam Jadual Polisi.
“Tanpa Sertaan”	Polisi yang tidak menyertai dalam Keuntungan perniagaan insurans hayat Kami.
“Penama”	Seseorang yang telah dinamakan oleh Pemilik Polisi untuk menerima wang polisi yang akan dibayar di bawah Polisi ini apabila berlakunya kematian Pemilik Polisi.
“Polisi” atau “Polisi ini”	Polisi dokumen ini dan semua dokumen-dokumen berikut: • Jadual Polisi dan Jadual Tambahan; • sebarang Insurans Tambahan dalam bentuk Lampiran; • Endorsan-endorsan yang ditandatangani oleh orang yang Kami

- diberikan kuasa;
 - borang-borang permohonan individu;
 - pernyataan-pernyataan yang diperlukan oleh pemeriksa perubatan Kami,
 - sebarang soal selidik; dan
 - sebarang dokumen lain yang diserahkan kepada Kami dalam cadangan untuk Polisi yang mungkin Kami rujuk.
- semua dokumen tersebut membentuk keseluruhan kontrak antara Anda dan Kami.

“Ulang Tahun Polisi”	Tarikh yang sama dengan Tarikh Mula setiap tahun.
“Pemilik Polisi / Pencadang”	Pemilik Polisi ini yang dinamakan dalam Jadual Polisi. Jika Orang yang Diinsuranskan dan Pemilik Polisi merupakan hayat yang sama, maka Pemilik Polisi merupakan hayat yang dinamakan di ruangan Orang yang Diinsuranskan dalam Jadual Polisi.
“Jadual Polisi”	Jadual Polisi yang dilampirkan pada dokumen Polisi ini.
“Tahun Polisi”	Setiap tempoh dua belas (12) bulan bermula dari Tarikh Mula.
“Cadangan”	Permintaan Anda untuk insurans di bawah Polisi ini.
“Tarikh Pengembalian Semula”	Tarikh di mana Kami meluluskan permohonan Anda untuk pengembalian semula Polisi ini.
“Manfaat(-manfaat) Tambahan /Rider”	Hak dan manfaat-manfaat lain yang dilampirkan pada Polisi seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.
“Keseluruhan Jumlah Asas yang Diinsuranskan”	Jumlah yang setara dengan Jumlah Asas yang Diinsuranskan dan sebarang Jumlah Asas Tambahan yang Diinsuranskan yang perlu dibayar di bawah klausa 3.2 dalam dokumen Polisi ini.
“Jumlah Premium”	Perjumlahan amaun Premium yang dinyatakan dalam Jadual Polisi atau selepas endorsan-endorsan berikut dan sebarang Premium Tambahan yang dinyatakan dalam Jadual Tambahan.
“Kami / Kita”	Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd dan pemegang serah hak dan penggantinya yang sah.
“Anda”	Pemilik bagi Polisi ini yang dinamakan dalam Jadual Polisi termasuk orang yang mempunyai hak terhadap Polisi ini setelah pemilikan telah dipindahkan.

SYARAT-SYARAT POLISI

1. HURAIAN RINGKAS POLISI

- 1.1 Ini merupakan polisi insurans hayat Tanpa Sertaan yang memberikan perlindungan insurans atas kematian Orang yang Diinsuranskan.

2. PREMIUM

2.1 Kadar Premium

Kadar Premium Asas adalah tetap sepanjang Tempoh Perlindungan untuk Polisi ini. Namun, kadar ini adalah tidak terjamin dan Kami berhak untuk menyemak semula premium dengan memberi Anda notis sembilan puluh (90) hari. Premium yang disemak semula akan berkuatkuasa pada ulang tahun polisi berikutnya.

2.2 Pembayaran Premium

2.2.1 Jumlah Premium Asas yang perlu dibayar dan frekuensi bayaran premium tersebut adalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi. Jumlah Premium Asas pertama yang perlu dibayar sebelum Tarikh Mula yang dinyatakan dalam Jadual Polisi dan jumlah Premium Asas yang berikut perlu dibayar pada atau sebelum setiap Tarikh Mesti Bayar yang berikutnya.

2.2.2 Jumlah Premium Asas perlu dibayar sepanjang Tempoh Pembayaran Premium adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.

3. MANFAAT-MANFAAT

3.1 Manfaat Kematian

3.1.1 Semasa perlindungan insurans Orang yang Diinsuranskan masih berkuatkuasa, dan sekiranya berlaku kematian Orang yang Diinsuranskan, seratus peratus (100%) daripada Keseluruhan Jumlah Asas yang Diinsuranskan akan dibayar.

3.1.2 Jumlah yang perlu dibayar di bawah klausa 3.1.1 akan tertakluk kepada peratusan berikut, berdasarkan Umur Orang yang Diinsuranskan ketika kejadian kematian:

Umur ketika Kematian	Peratusan Jumlah yang perlu dibayar di bawah klausa 3.1.2
Satu (1) tahun	20.00%
Dua (2) tahun	40.00%
Tiga (3) tahun	60.00%
Empat (4) tahun	80.00%
Lima (5) tahun dan ke atas	100.00%

3.2 Jumlah Asas Tambahan yang Diinsuranskan

Semasa Polisi ini berkuatkuasa, Anda berhak mendapat jumlah tambahan sepuluh peratus (10%) daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan pada akhir setiap dua (2) Tahun Polisi, sehingga maksimum 50% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan.

3.3 Pengecualian

Manfaat Kematian tidak akan dibayar jika kematian Orang yang Diinsuranskan adalah akibat bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, yang mana-mana lebih kemudian. Polisi ini akan menjadi tidak sah dan Kami akan memulangkan jumlah Premium Asas yang dibayar tanpa faedah.

4. OPYSEN PEMILIK POLISI

4.1 Menukar Frekuensi dan Cara Bayaran

Semasa Polisi ini masih berkuatkuasa, Anda boleh pada bila-bila masa, tertakluk kepada kelulusan kami, menukar frekuensi dan cara bayaran premium Anda dengan memberikan Kami notis bertulis.

4.2 Penyerahan Polisi ini

Semasa Polisi ini masih berkuatkuasa Anda boleh menyerahkan Polisi Anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Polisi Anda akan kekal berkuatkuasa sehingga Tarikh Mesti Bayar yang seterusnya. Tiada nilai penyerahan akan dibayar di bawah Polisi ini.

5. TEMPOH TANGGUH

Anda diberikan Tempoh Tangguh sebanyak tiga puluh (30) hari bermula dari Tarikh Mesti Bayar premium untuk membayar Jumlah Premium Anda, di mana Polisi Anda akan terus berkuatkuasa.

6. PENGEMBALIAN SEMULA

Jika Polisi ini luput, Anda boleh memohon untuk mengembalikannya semula pada bila-bila masa dalam tempoh masa dua belas (12) bulan daripada tarikh pembatalan. Pengembalian semula tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Kami dan syarat-syarat berikut:

- (a) Pembayaran untuk semua premium keterhutangan;
- (b) Bukti yang memuaskan tentang kesihatan Orang yang Diinsuranskan dan kebolehan untuk diinsuranskan atas perbelanjaannya sendiri (jika berkenaan).

7. SYARAT-SYARAT AM

7.1 Kontrak

Polisi ini dikeluarkan dengan mengambil kira pembayaran premium yang dinyatakan dalam Jadual Polisi dan mengikut:

- (a) jawapan yang dinyatakan oleh Anda dan/atau Orang yang Diinsuranskan dalam borang 15Cadangan atau sebarang soal selidik yang Kami berikan atas sebarang perkara yang berkaitan dengan Polisi;
- (b) pendedahan yang Anda dan/atau Orang yang Diinsuranskan berikan bermula dari masa Anda menghantar borang Cadangan Anda sehingga Tarikh Dikeluarkan; dan
- (c) jawapan dan/atau pendedahan yang diberikan oleh Anda dan/atau Orang yang Diinsuranskan dalam sebarang laporan perubatan atau laporan dan soal selidik yang lain-lain;

7.2 Tidak Boleh Dipertikai

Melainkan penipuan, Kami tidak akan mempertikai kesahihan Polisi ini jika Polisi ini telah berkuatkuasa selama dua (2) tahun dari Tarikh Mula.

7.3 Tempat Kediaman, Perjalanan dan Pekerjaan

Melainkan telah dikecualikan, tiada sekatan dikenakan pada Orang yang Diinsuranskan berkenaan dengan tempat kediaman, perjalanan atau pekerjaan.

7.4 Salah Nyata Umur

- (a) Umur yang dinyatakan dalam Jadual Polisi ialah umur Orang yang Diinsuranskan yang diisytiharkan dalam borang Cadangan.
- (b) Jika umur Orang yang Diinsuranskan telah tersalah nyata, peraturan-peraturan berikut diguna pakai:
 - (i) Jika umur yang diberikan adalah lebih daripada umur sebenar, Kami mungkin mengubah Jumlah Asas yang Diinsuranskan mengikut kadar amaun yang perlu dibayar ataupun mengurangkan premium kepada amaun yang perlu dibayar berdasarkan umur sebenar Orang yang Diinsuranskan dan memulangkan amaun berlebihan yang telah dibayar (jika ada) tolak dengan sebarang Nilai Tunai yang telah dibayar dan/atau mengubah tempoh perlindungan.
 - (ii) Jika umur yang diberikan adalah kurang daripada umur sebenar, Kami mungkin mengubah Jumlah Asas yang Diinsuranskan mengikut kadar amaun yang perlu dibayar berdasarkan umur sebenar Orang yang Diinsuranskan dan/atau mengubah tempoh perlindungan.
- (c) Jika Orang yang Diinsuranskan tidak layak untuk insurans mengikut umur, Polisi ini akan ditamatkan dan Kami akan membayar balik:
 - (i) Jumlah Premium yang dibayar tanpa faedah;
 - (ii) sebarang caj dan fi yang telah ditolak.

- (d) Kami memerlukan bukti umur Orang yang Diinsuranskan sebelum bayaran manfaat di bawah Polisi ini melainkan umur tersebut telah Kami sahkan adalah betul sebelum ini.

7.5 Pemilikan Polisi

Pemilik Polisi ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi sehingga ia diubahkan. Sebagai pemilik, hanya Anda boleh, dalam tempoh hayat Orang yang Diinsuranskan, melaksanakan semua hak, keistimewaan dan pilihan yang sedia ada di bawah Polisi ini tertakluk kepada kebenaran bertulis daripada mana-mana pemegang amanah, jika ada.

7.6 Pertukaran Pemilikan

Semasa Orang yang Diinsuranskan masih hidup dan tertakluk kepada kelulusan Kami, Anda boleh menukar hak pemilik Polisi ini melalui Penyerahan Hak. Pertukaran ini hanya akan dikuatkuasakan selepas Kami menerima dan mendaftarkan notis bertulis Penyerahan Hak tersebut. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk mengesahkan kesahihan atau kesahan mana-mana Penyerahan Hak.

7.7 Penamaan

Jika Anda telah mencapai umur enam belas (16) tahun, Anda boleh menamakan orang biasa sebagai Penama Anda untuk menerima wang Polisi yang perlu dibayar apabila Anda meninggal dunia. Kami menasihatkan Anda supaya melantik sekurang-kurangnya seorang (1) Penama dan memastikan Penama tersebut dimaklumkan tentang penamaan tersebut. Anda boleh membuat penamaan dengan menggunakan Borang Penamaan Kami.

Penamaan Anda akan terbatal:

- (a) setelah Penama anda meninggal dunia, atau jika terdapat lebih daripada seorang (1) Penama, setelah semua Penama meninggal dunia, semasa Anda masih hidup;
- (b) dengan notis bertulis Anda kepada Kami; atau
- (c) dengan mana-mana penamaan yang Anda buat selepas itu.

Jika Anda bukan Pemilik Polisi yang beragama Islam dan Anda menamakan pasangan Anda, anak atau ibu bapa Anda (jika Anda tidak mempunyai pasangan atau anak yang masih hidup pada tarikh penamaan ibu bapa Anda), satu amanah wang Polisi yang akan dibayar atas kematian Anda akan diwujudkan. Penama untuk amanah yang diwujudkan tersebut akan menerima wang Polisi atas kematian Anda sebagai benefisiari.

Anda dinasihatkan untuk melantik pemegang amanah untuk amanah yang diwujudkan. Anda tidak boleh melantik Anda sendiri sebagai pemegang amanah. Anda harus memaklumkan Penama tentang pemegang amanah yang dilantik. Jika tiada pemegang amanah yang dilantik, Penama yang Kompeten kepada kontrak hendaklah menjadi pemegang amanah.

Anda mesti mendapatkan kebenaran bertulis daripada pemegang amanah jika Anda ingin:

- (a) menukar penamaan amanah; atau
- (b) menukar, menyerah, menyerah hak atau mengikrar Polisi.

Penama yang bukan Penama amanah hanya akan menerima wang Polisi sebagai pelaksana apabila Anda meninggal dunia. Sekiranya niat Anda adalah untuk Penama tersebut menerima wang Polisi sebagai benefisiari, Anda perlu menyerahkan hak Polisi Anda kepada Penama tersebut.

Penama yang menerima wang Polisi sebagai pelaksana perlu mengagihkan wang Polisi mengikut wasiat Anda atau undang-undang yang berkaitan dengan pembahagian harta pusaka Anda.

Sila ambil perhatian bahawa tuntutan oleh pemegang serah hak akan mempunyai keutamaan atas tuntutan Penama.

7.8 Pindaan

Tiada pindaan atau penepian sebarang peruntukan dalam Polisi Anda akan menjadi sah melainkan perubahan atau penepian tersebut dibuat melalui Endorsan dan ditandatangani oleh orang yang Kami beri kuasa. Kami mungkin menghendaki Polisi Anda dihantar kepada Kami untuk menguatkuasakan Endorsan. Ejen tidak mempunyai kuasa untuk membuat sebarang pindaan kepada atau mengetepikan sebarang terma-terma dan syarat-syarat dalam Polisi Anda.

7.9 Pemberitahuan Tuntutan

Penuntut mesti memberi notis bertulis dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kematian Orang yang Diinsuranskan bagi menuntut di bawah Polisi ini. Bukti kematian dan dokumen-dokumen lain yang memuaskan Kami mesti diberikan atas perbelanjaan penuntut kepada Kami. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh masa ini tidak akan membatalkan tuntutan itu jika dapat membuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberi notis itu lebih awal dan notis tersebut diberikan dengan secepat mungkin.

7.10 Pembayaran Tuntutan

Sebelum sebarang tuntutan dibayar, Kami mungkin memerlukan peyerahan sebarang dokumen-dokumen lain yang sah dan asal untuk membuktikan hak penuntut untuk menerima bayaran tuntutan. Sebarang bayaran adalah tertakluk kepada penolakan sebarang jumlah terhutang kepada Kami.

7.11 Penolakan Premium Semasa Kematian (Jika Berkenaan)

Kami akan tolak sebarang Premium yang perlu dibayar dan belum dibayar sehingga Ulang Tahun Polisi pada tarikh kematian untuk keseluruhan penuh Tahun Polisi daripada hasil yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

7.12 Undang-undang Yang Dipakai

Polisi Anda adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

7.13 Matawang Pembayaran

Semua amaun yang dibayar sama ada daripada Anda kepada Kami atau daripada Kami untuk Polisi ini perlu dibuat dalam matawang yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.

7.14 Tempoh Bertenang

Anda boleh meminta untuk membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis bertulis kepada Kami tempoh masa lima belas (15) hari selepas penghantaran dokumen Polisi kepada Anda. Kami akan memulangkan jumlah:-

- (a) Jumlah Premium yang dibayar tanpa faedah;
- (b) sebarang caj dan fi yang telah ditolak.

7.15 Penamatan

Polisi Anda akan ditamatkan secara automatik apabila berlakunya peristiwa-peristiwa di bawah, mengikut mana-mana yang lebih awal:

- (a) kematian Orang yang Diinsuranskan;
- (b) mana-mana tarikh lain di mana Orang yang Diinsuranskan tidak lagi layak untuk insurans; atau
- (c) jika Polisi menjadi matang, dibatalkan, diluputkan atau diserahkan.

7.16 Notis

Kami akan menghantar apa-apa notis atau surat-menyurat secara elektronik ke alamat emel atau melalui mana-mana saluran yang Kami, atau ke alamat terakhir Anda yang diketahui dalam rekod Kami.

Anda perlu memaklumkan Kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan Anda.

Notis atau komunikasi lain yang perlu diberikan di bawah Polisi ini hendaklah disifatkan sebagai telah dihantar jika:

- (a) secara bertulis dan dihantar secara peribadi, pada hari Anda menerimanya;

- (b) secara bertulis dan dihantar melalui pos kepada Anda, selepas hari pengeposan ketujuh (ke-7); atau
- (c) dihantar secara elektronik, pada tarikh penghantaran.

7.17 Cukai Penggunaan

Sekiranya cukai perkhidmatan, cukai tambah nilai atau apa-apa cukai serupa (secara kolektifnya dirujuk sebagai "Cukai Penggunaan") dan apa-apa duti, cukai, levi yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa berkaitan dengan mana-mana bekalan barangan dan/atau perkhidmatan yang diberi di bawah Polisi ini (termasuk apa-apa rider), Anda akan bertanggungjawab untuk membayar amaun tersebut.

7.18 Kebolehasingan

Jika mana-mana peruntukan atau sebahagian daripada peruntukan dalam Polisi ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, ia hendaklah dianggap sebagai terputus daripada Polisi ini. Walau bagaimanapun, baki peruntukan yang terkandung di dalam Polisi ini hendaklah terus berkuatkuasa dan berkesan dengan sepenuhnya.

7.19 Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan

Menurut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('AMLA'), Kami telah menubuhkan dasar dalam Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pembiayaan Kaunter Keganasan (AML/CFT).

Selaras dengan keperluan pengawalseliaan, Kami akan melaksanakan ketekunan wajar atas semua pelanggan Kami dan penerima manfaat termasuk pengesahan identiti dan, jika diperlukan, sumber dana dan/atau kekayaan. Kami mungkin meminta maklumat tambahan dan dokumentasi sebagai salah satu proses ketekunan wajar dan pengesahan. Permohonan untuk membeli polisi tidak akan diproses atau, polisi yang sedia ada akan dihentikan jika keperluan ketekunan wajar dan pengesahan gagal dipenuhi.

Sekiranya Kami menerima arahan penguatkuasaan daripada pihak berkuasa yang berkenaan untuk membeku atau merampas Polisi itu, Kami wajib untuk mematuhi dan mengambil tindakan untuk membekukan dan/atau, menyerahkan dana-dana yang dibayar untuk Polisi berkenaan mengikut AMLA atau undang-undang yang berkenaan. Sekiranya Kami menemui atau mempunyai ragu yang munasabah bahawa Polisi tersebut adalah digunakan sebagai instrumen untuk pengubahan wang haram dan/atau untuk pembiayaan keganasan, Polisi ini akan digantung dan/atau ditamatkan.

7.20 Klausula Sanksi

Sekiranya mana-mana Pemilik Polisi, Orang yang Diinsuranskan, penerima manfaat, pemegang akaun atau mana-mana pihak yang berkaitan merupakan ataupun telah menjadi subjek terhadap mana-mana sanksi, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, atau sanksi perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan oleh bidang kuasa yang berkenaan, Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat, atau mana-mana undang-undang atau peraturan yang ditadbir oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, pengawalseliaan, atau pihak berkuasa yang berkompeten, atau penguatkuasaan undang-undang di mana-mana negara, fakta tersebut akan menjadi sebab nyata yang memberikan hak bagi Kami untuk menamatkan Polisi ini. Dalam keadaan sedemikian, Kami akan melaporkan maklumat Polisi ini kepada pihak-pihak di bawah bidang kuasa yang berkenaan mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang dinyatakan di atas.

Dalam keadaan yang dinyatakan di atas, Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, manfaat, atau pembayaran apa-apa jumlah lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada bayaran balik premium, bayaran penyerahan atau pembatalan) di bawah Polisi ini. Sebagai tambahan, Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kos atau kerosakan yang dialami oleh Pemilik Polisi, Orang yang Diinsuranskan, penerima manfaat atau pemegang akaun akibat pengendalian Kami terhadap keadaan tersebut.

7.21 Pindahan pemilikan (Untuk Polisi Juvana Sahaja)

Peruntukan ini hanya terpakai kepada Polisi-Polisi di mana Orang yang Diinsuranskan belum mencapai umur dua puluh satu (21) tahun dan Anda bukannya Orang yang Diinsuranskan.

Anda boleh melantik seorang individu yang layak sebagai Pemilik Kontingen sebelum Orang yang Diinsuranskan mencapai umur dua puluh satu (21) tahun, tertakluk kepada budi bicara Kami, sekiranya:

- (a) Pemilik Kontingen sudah mencapai umur dua puluh satu (21) tahun; dan
- (b) Pemilikan Polisi ini belum diserahkan.

Individu yang layak sebagai Pemilik Kontingen adalah pasangan, ibu bapa atau adik-beradik Anda.

Semasa Polisi ini berkuatkuasa, sekiranya kematian Anda berlaku sebelum Orang yang Diinsuranskan mencapai umur dua puluh satu (21) tahun, pemilikan Polisi ini dan semua hak, keistimewaan, dan manfaat Polisi ini akan dipindah kepada Pemilik Kontingen sebagai pemegang amanah bagi Orang yang Diinsuranskan. Sebarang manfaat yang dibayar kepada Pemilik Kontingen akan dipegang sebagai amanah untuk kebajikan Orang yang Diinsuranskan.

Selain daripada perkara di atas, Pemilik Kontingen tidak berhak untuk menyerah, meminda, membuat pengeluaran separa atau mengikrarkan Polisi ini sebagai sekuriti.

Apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur dua puluh satu (21) tahun, pemilikan Polisi ini akan dipindahkan secara automatik dan diberi hak kepada Orang yang Diinsuranskan. Pemilik Kontingen kemudian akan berhenti menjadi pemilik berkuasa dan pemegang amanah Polisi apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur dua puluh satu (21) tahun.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini, tiada pemindahan hak milik atau pemilikan Polisi kepada Orang yang Diinsuranskan sekiranya Pemilik Polisi masih hidup semasa Orang yang Diinsuranskan mencapai umur dua puluh satu (21) tahun.

Sekiranya kematian Anda berlaku apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur dua puluh satu (21) tahun, pemilikan Polisi ini akan diberi hak secara automatik kepada Orang yang Diinsuranskan sebagai pemilik berkuasa Polisi ini.

7.22 Keadaan Terdahulu

Pemenuhan dan pematuhan terhadap semua terma dan syarat di sini akan menjadi syarat dahuluhan kepada liabiliti Kami di bawah Polisi ini.

7.23 Penerimaan Arahan

Kami hanya akan menerima arahan, permintaan atau notis apabila borang, dokumen, maklumat dan persetujuan seperti yang dikehendaki oleh Kami, diterima oleh Kami.